

# KAITAN ANTARA TINGKAH LAKU KEIBUBAAPAN DAN PENDIDIKAN KEAGAMAAN DENGAN MORAL PELAJAR REMAJA

Aziina Binfi Komin & Wan Noor Shazalina Binti Wan Sopian  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kaitan antara tingkah laku keibubapaan dan pendidikan keagamaan dengan moral pelajar remaja. Seramai 188 orang pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan yang beragama Islam terlibat dalam kajian ini. Alat ukur yang digunakan untuk mengukur tingkah laku keibubapaan ialah Skala Keibubapaan (Azlina, 1995) yang mengandungi 15 item. Ia dibahagikan kepada tiga aspek iaitu penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan. Nilai kebolehpercayaan bagi aspek penglibatan ialah  $\alpha=0.69$ , pemberian autonomi psikologi ( $\alpha=0.60$ ) dan ketegasan/penyeliaan ( $\alpha=0.71$ ). Soal selidik yang dibina oleh Radzi Shafie (1994) digunakan sebagai alat ukur untuk mengukur pendidikan keagamaan dan nilai kebolehpercayaan soal selidik ini ialah  $\alpha=0.89$ . Moral pelajar diukur menggunakan Inventori Penghayatan akhlak Pelajar Sekolah Menengah iaitu jenis soal selidik yang dibina oleh Azhar Ahmad (2005). Nilai kebolehpercayaan bagi moral pelajar ialah  $\alpha=0.74$ . Analisis statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan dalam tatacara menganalisis data. Secara keseluruhannya, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara aspek-aspek tingkah laku keibubapaan dengan moral pelajar. Aspek pendidikan keagamaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan moral pelajar. Bagi aspek-aspek tingkah laku keibubapaan dengan pendidikan keagamaan pelajar juga didapati mempunyai hubungan yang signifikan.

**Abstract:** This research was conducted to identify the connection between parental behavior and student religious education with student's morality. The subject of this research included 188 Muslim students. They are from form 4 students with both gender. The researcher uses "Parental Scale" as the measurement to measure the parental behavior (Azlina, 1995). The scale included 15 items. Divide into three major aspect; participatory, autonomous givingness and psychology and coherence/supervision. The reliable value for participatory aspect is  $\alpha=0.69$ , autonomous givingness and psychology is  $\alpha=0.60$  while coherence/supervision is  $\alpha=0.71$ . The questionnaire produced by Radzi Shafie (1994) was used as a tool to measure the religion education and the reliability value for this questionnaire is  $\alpha=0.89$ . Student's morality is measurement using the *Inventori Penghayatan Akhlak* for secondary student was produced by Azhar Ahmad (2005). The reliability value for student morality is  $\alpha=0.74$ . The statistic descriptive and inference analysis was used to analyze the data gathered. To conclude, the results show that there was indeed a significant reship between the aspects in parental behavior with student morality. The religious education has also been found to have a significant reship between student moralities. Student religious education also has significant reship between parental behaviors.

*Katakunci:* moral, pelajar, pendidikan Keagamaan, tingkah laku keibubapaan

## Pengenalan

Apabila membicarakan masalah moral pelajar ini ia tidak akan pernah selesai. Pelbagai faktor akan timbul dan dapat dilihat daripada beberapa aspek seperti tingkah laku keibubapaan dan pendidikan keagamaan. Hasil daripada persoalan dan kontroversi yang timbul maka dari situ bermula usaha untuk mengkaji bidang ini dengan lebih mendalam lagi untuk mencari penjelasan tentang moral pelajar remaja .

## **Penyataan Masalah**

Kewujudan masalah sosial yang berlaku hari ini telah membawa kepada pelbagai persoalan dan spekulasi kepada masyarakat, sehinggalah keadaan menjadi semakin berleluasa ke tahap yang membimbangkan seperti yang terjadi rata-rata kini. Persoalannya sekarang, adakah ini disebabkan oleh tingkah laku keibubapaan yang salah atau pendidikan yang berasaskan keagamaan yang tidak mencukupi .

Oleh yang demikian, kajian terhadap kaitan tingkah laku keibubapaan dan pendidikan keagamaan dengan moral pelajar dijalankan bagi mengupas persoalan yang timbul.

## **Objektif Kajian**

1. Mengetahui kaitan antara aspek tingkah laku keibubapaan (penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan) dengan moral pelajar remaja.
2. Mengetahui kaitan antara pendidikan keagamaan dengan moral pelajar remaja.
3. Mengetahui kaitan antara tingkah laku keibubapaan (penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan) ibu bapa pelajar dengan pendidikan keagamaan pelajar remaja.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak mereka kerana didikan awal memainkan peranan penting dalam pembentukan moral seseorang individu. Tingkah laku keibubapaan akan mempengaruhi moral anak-anak. Sahsiah anak yang baik adalah hasil daripada corak didikan ibu bapa yang sempurna.

Kajian ini juga, diharap dapat membuka fikiran ibu bapa terhadap pentingnya pendidikan keagamaan yang sempurna bagi anak-anak mereka. Agama adalah 'tiang' sekiranya tiang itu lemah maka robohlah sebuah institusi itu. Agama memainkan peranan penting dalam pembentukan moral.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pelajar agar dapat memperbaiki moral dan disiplin mereka agar menjadi remaja yang sihat dari segi mental, fizikal, rohani dan sahsiah serta rasional dan matang dalam menghadapi kenyataan hidup.

## **Skop dan Batasan Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan yang harus dititikberatkan iaitu kajian ini hanya tertumpu kepada dua pembolehubah iaitu tingkah laku keibubapaan, dan pendidikan keagamaan. Fokus kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan dua pembolehubah di atas dengan moral pelajar remaja. Oleh kerana beberapa faktor tertentu seperti masa dan kewangan, maka untuk kelancaran pelaksanaan kajian, beberapa batasan kajian telah ditentukan.

- I. Kajian ini hanya dilakukan di dua buah sekolah menengah di daerah Kuala Krai, Kelantan .
  - a. Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra 2, Kuala Krai Kelantan
  - b. Sekolah Menengah Teknik Kuala Krai, Kelantan
- II. Kajian ini hanya terhad kepada pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan yang beragama Islam.

Jadi, dapatan kajian juga terbatas kepada instrumen soal selidik yang digunakan dan dianalisis oleh penyelidik.

## **Metodologi**

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat yang beragama Islam lelaki dan perempuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra 2 dan Sekolah Menengah Teknik Kuala Krai, Kelantan. Seramai 628 orang pelajar dari kedua-dua buah sekolah tersebut dijadikan populasi dan sampel kajian. Pelajarpelajar tingkatan 4 sahaja yang dipilih untuk dijadikan responden bagi kajian ini kerana:

- I. Pelajar-pelajar tingkatan 1 dan 2 merupakan pelajar menengah bawah dan masih berada pada peringkat peralihan dan perkembangan.
- II. Pelajar-pelajar tingkatan 3 dan 5 dikecualikan daripada sebarang penyelidikan kerana kumpulan ini akan menduduki peperiksaan dan dikuatiri akan mengganggu tumpuan mereka terhadap peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pemilihan sampel kajian dilaksanakan secara rawak mudah. Seramai 188 orang pelajar telah dipilih secara rawak daripada 628 orang pelajar dari dua buah sekolah tersebut yang telah terpilih sebagai populasi kajian ini. Menurut Mohamad Najib (1999), ada yang menyarankan 30 % daripada populasi kajian dan ada yang berkata jumlah 30 % sampel daripada populasi kajian sudah mencukupi.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki serta mempunyai perkaitan dengan persoalan kajian. Soal selidik adalah satu instrumen yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan untuk menukarkan maklumat kepada data seperti mana yang diberikan oleh responden (Tuckman, 1994).

Kaedah soal selidik lebih mudah mendapatkan kerjasama daripada responden. Satu set soal selidik telah disediakan bagi mengumpulkan maklumat dan data. Segala pengukuran terhadap pembolehubah adalah dibuat berdasarkan maklum balas terhadap semua pernyataan yang terkandung dalam soal selidik. Set soal selidik mengandungi soalan-soalan tentang demografi pelajar dan ibu bapa, tingkah laku keibubapaan, pendidikan keagamaan dan moral pelajar.

Selain itu soal selidik ini dapat mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi mengumpul data. Penggunaan Skala Empat Mata dan Skala Lima Mata dalam soal selidik bagi sesuatu set senarai kenyataan akan digunakan untuk mengetahui jawapan responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Soal selidik yang dikemukakan terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A melihat kepada demografi pelajar dan ibu bapa manakala bahagian B, C dan D melihat pada aspek yang dikaji iaitu tingkah laku keibubapaan, pendidikan keagamaan pelajar dan moral pelajar.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan soalan . Seramai 10 orang responden dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra 2, Kuala Krai Kelantan. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui tentang kefahaman pelajar dalam menjawab soal selidik tersebut di samping dapat memberi maklumat awal yang boleh dipertimbangkan sebelum meneruskan kajian.

Daripada analisis kajian yang dibuat, didapati nilai alfa bagi aspek-aspek pembolehubah tingkah laku keibubapaan iaitu penglibatan ( $\alpha=0.61$ ), pemberian autonomi psikologi ( $\alpha=0.60$ ), ketegasan/penyeliaan ( $\alpha=0.73$ ). Bagi pembolehubah pendidikan keagamaan nilai alfa ialah  $\alpha=0.85$ . Manakala pembolehubah

moral pelajar nilai alfa ialah  $\alpha=0.67$ . Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001) nilai kebolehpercayaan melebihi 0.60, maka instrumen yang digunakan mencapai kesahan dan boleh diterima.

## **Perbincangan**

### **Kaitan antara aspek-aspek pembolehubah tingkah laku keibubapaan (penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan) dengan moral pelajar**

Secara amnya, nilai min bagi setiap aspek tingkah laku keibubapaan iaitu penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan, berada pada julat diantara 2.31-3.61 iaitu pada tahap sederhana. Ini bermakna penglibatan, pemberian kuasa kepercayaan dan ketegasan/penyeliaan ibu bapa terhadap anak-anak adalah sederhana. Bagi kaitan antara aspek penglibatan ibu bapa, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan dengan moral pelajar menunjukkan hubungan positif yang lemah. Ini bermakna aspek penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan mempunyai perkaitan dengan moral pelajar tetapi ia agak lemah. Dengan kata lain walaupun sempurna aspek-aspek tingkah laku keibubapaan ibu bapa pelajar ia tidak menentukan keperibadian moral pelajar samada baik atau buruk.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh PROSTAR (Program Sihat Tanpa Aids Remaja), 1996 (dalam Muhammad Hazrul, 2007). Kajian tersebut dilakukan ke atas 4347 remaja termasuk 885 remaja di pusat-pusat serenti. Dapatan kajian menunjukkan hubungan anak-anak dengan ibu bapa mereka mempunyai korelasi negatif yang signifikan dengan tingkah laku negatif remaja. Ini memberi maksud bahawa semakin baik hubungan remaja dengan ibu bapa mereka iaitu dari segi penglibatan dan pemerhatian ibu bapa, maka semakin kurang kecenderungan mereka untuk terlibat dengan tingkah laku merokok ( $r = -.14$  untuk remaja awam;  $r = -.09$  untuk remaja pelatih), mengambil dadah ( $r = -.09$  untuk remaja awam;  $r = -.06$  untuk remaja pelatih), melakukan hubungan seks sebelum kahwin ( $r = -.14$  untuk remaja awam;  $r = -.12$  untuk remaja pelatih), dan bergaya hidup yang boleh dijangkiti AIDS ( $r = -.11$  untuk remaja awam;  $r = -.09$  untuk remaja pelatih).

### **Kaitan antara pembolehubah pendidikan keagamaan dengan moral pelajar**

Analisis telah dilakukan untuk melihat kaitan antara pendidikan keagamaan dengan moral pelajar. Dapatan menunjukkan kaitan antara pendidikan keagamaan dengan moral pelajar adalah hubungan positif yang sangat lemah. Ini bermakna pendidikan keagamaan yang tinggi tidak mencerminkan ketinggian moral yang baik dan sempurna. Walaupun cukup pendidikan keagamaan namun masih melakukan moral yang tidak baik.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Hirschi dan Stark (1969) ke atas pelajar baru dan lama sekolah tinggi di Barat Costa Country, California. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah temubual yang melibatkan 25 orang responden. Hasil daripada kajian mendapati aktiviti-aktiviti yang mengandungi unsurunsur kepercayaan agama dapat menghindarkan pelajar remaja daripada melakukan tingkah laku tidak bermoral. Alasan mereka agama dapat memupuk nilai-nilai moral yang baik dalam diri individu

### **Kaitan antara aspek pembolehubah tingkah laku keibubapaan (penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan) dengan pendidikan keagamaan pelajar**

Analisis telah dilakukan bagi melihat kaitan antara aspek pembolehubah tingkah laku keibubapaan (penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/ penyeliaan) dengan pendidikan keagamaan pelajar. Dapatan menunjukkan kaitan antara aspek-aspek pembolehubah tingkah laku keibubapaan dengan pendidikan keagamaan pelajar menunjukkan hubungan yang positif yang sederhana. Ini

membawa maksud bahawa semakin baik tingkah laku keibubapaan ibu bapa pelajar, maka semakin tinggi pendidikan keagamaan pelajar.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Radzi shafiee (1994) ke atas pelajar-pelajar di sekolah Vokasional Daerah Johor Baharu iaitu tinjauan terhadap tingkah laku ibu bapa. Kajian ini melibatkan 150 orang pelajar Islam lelaki dan perempuan. dari ditingkatan 4. Dapatan kajian menunjukkan 2.7 % tidak mendapat bimbingan dan tunjuk ajar keagamaan dan 97.3 % mendapat bimbingan dari ibu bapa. Ini menunjukkan majoriti ibu bapa melihat kepentingan mendidik anak-anak dengan ajaran agama. Sebanyak 70 % daripada responden menyatakan ibu bapa mereka sentiasa memberi nasihat dan memperkatakan tentang akhlak manakala 30 % daripada responden menyatakan ibu bapa mereka kadang-kadang memberi nasihat dan memperkatakan tentang akhlak. Dari segi bentuk amalan seharian ibu bapa yang boleh menjadi ikutan seperti solat lima waktu secara berjemaah menunjukkan 9.3 % selalu disuruh berjemaah, 55 % kadang-kadang disuruh berjemaah dan 35 % tidak pernah disuruh berjemaah bersama keluarga. Kajian juga menunjukkan 48 % responden pernah dipukul oleh ibu bapa jika tidak sembahyang dan sebanyak 52 % tidak pernah dipukul. Ini menunjukkan terdapat sebilangan ibu bapa yang peka terhadap ibadah anak-anak.

### **Rumusan**

Dapatan dari kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran jelas tentang kaitan tingkah laku keibubapaan iaitu penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan serta pendidikan keagamaan dengan moral pelajar. Begitu juga kaitan antara kaitan tingkah laku keibubapaan iaitu penglibatan, pemberian autonomi psikologi dan ketegasan/penyeliaan dengan pendidikan keagamaan pelajar. Hasil kajian dapat memberikan sumbangan kepada institusi pendidikan terutama ibu bapa.

### **Rujukan**

Abdullah Nashih Ulwan (1994). *Pesanan Kepada Pemuda Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Al-Ramadhan.

Ajaran Agama Hindarkan Gejala Sosial. (2006, March 22). *Berita Harian*. p.7

Ambert, A.M., (2001). *The effect of children on parent*, 2nd. ed. New York: The Haworth Press.

Anderson, S.A., & Sabatelli, R.M., (1995). *Family interaction: A multigenerational developmental perspective*. Boston: Allyn and Bacon.

Bandura, A. & Walter, R. (1959). *Adolescent Aggression*. Ronald Press.

Baumrind, D. (1989). *Rearing Competent Children*. In *Child Development Today and Tomorrow*, Damon, W. (Ed.). San Francisco: Jossey-Bass, pp. 349-378.

Bee, H & Boyd, D. (2000). *Life Span Developmental*. Boston: Allyn & Bacon.

Belsky, J., (1984). The determinants of parenting: A process model. *Child Development* 55: 83-96.

Bronstein, P., (1994). Patterns of parent-child interaction in Mexican families: A cross cultural perspective. *International Journal of Behavioral Development* 17(3): 423-469.

Caspi, A., Henry, B., McGee, R., Moffit, T., dan Silva, P.(1995). *Temperamental Origins of Child and Adolescent Behaviour Problems: From Age Three to Age Fifteen*. *Child Development*, 66, 55-68.

- Clark, R.D., dan Shields, G. (1997). *Family Communication and Delinquency*. *Adolescence*, 32(125), 81-92.
- Darling, N., & Steinberg, L. (1993). *Parenting Style As Context: An Integrative Model*. *Psychological Bulletin*, 113(3), 487-496.
- D'Angelo, L., Getson, P., dan Luban, N. (1991). *Human Immunodeficiency Virus Infection in Urban Adolescents : Can We Predict Who is at Risk?* *Pediatrics*, 88,982-986.
- Dornbusch, S., Carlsmith, J., Ritter, P., dan Leiderman, P. (1985). *Single Parents, Extended Households and The Control of Adolescents*. *Child Development*, 52,179-185.
- Dornbusch, S.M., Ritter, P.L., Liderman, P.H., Roberts, D.F., & Fraleigh, M.J., (1987). The relation of parenting style to adolescent school performance. *Child Development* 58: 1244-1257.
- Fatanah Mohamed. (1997). *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh di Pengkalan Chepa*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana.